

Anwar sifatkan Bajet 2022 sebagai belanjawan baik

BH- 1/11/2021 m/s: 3

Kerajaan diminta beri perincian segala butiran pembiayaan

Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@news.com.my

Port Dickson: Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan Bajet 2022 sebagai belanjawan yang baik, terutama dalam hal peruntukan kepada golongan memerlukan.

Beliau bagaimanapun meminta kerajaan memberikan perincian belanjawan berkenaan, termasuk segala butiran berkaitan pembiayaan di luar bajet (*off-budget*).

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) merangkap Presiden PKR itu, berkata beliau akan mengulas Bajet 2022 di Dewan Rakyat hari ini, terutama mengenai *off-budget* yang ditanggung kerajaan.

“Kerajaan perlu memperincikan segala hal berkaitan pembiayaan luar belanjawan di sebalik Bajet 2022 berjumlah RM332.1 bilion yang dibentangkan di Dewan Rakyat.

“Saya akan mengulas mengenai belanjawan esok (hari ini), terutama berkenaan *off-budget*,” katanya kepada pemberita pada majlis sambutan bakul makanan sempena Deepavali di Dewan Orang Ramai Kampung India, Bukit Pelandok, Chuah, di sini, semalam.

Jumaat lalu, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, membentangkan bajet terbesar bernilai RM322.1 bilion dengan sasaran mempercepatkan pemulihan

BAJET 2022

Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera

ekonomi negara.

Majoriti peruntukan dikhususkan kepada sektor sosial tatkala rakyat melalui fasa pemulihan daripada kemelesatan pendapatan berpunca daripada gelombang COVID-19 terbaru awal tahun ini.

Daripada jumlah dicadangkan, kerajaan merancang menyediakan RM233.5 bilion bagi belanja mengurus, RM75.6 bilion untuk belanja pembangunan dan RM23 bilion di bawah Kumpulan Wang COVID-19.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson, berkata beliau secara keseluruhan melihat Bajet 2022 yang dibentangkan sebagai baik.

“Ia adalah belanjawan yang baik, terutama peruntukan kepada golongan memerlukan. Yang diberi kecil-kecil ini, kita

“Kerajaan perlu memperincikan segala hal berkaitan pembiayaan luar belanjawan di sebalik Bajet 2022 RM332.1 bilion yang dibentangkan di Dewan Rakyat”

Anwar Ibrahim,
Ketua
Pembangkang



nampak baik dan saya sokong tolong orang bawah.

“Namun kalau kita tidak teliti yang ini (*off-budget*), ia akan terus berlarutan. Itu saya akan ulas esok (hari ini) sebelum tengah hari,” katanya.

MoF lancar Portal Manfaat #Bajet2022

Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan (MoF) melancarkan Portal Manfaat #Bajet2022 bagi memudahkan rakyat mengetahui manfaat yang disediakan dalam Bajet 2022.

Perkara berkenaan diumumkan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dalam muat naik terbaharunya di laman sosial Facebook.

“Seperti #Belanjawan2021, MoF juga telah menyediakan Portal Manfaat #Bajet2022 yang kini telah dilancarkan bagi memastikan #KeluargaMalaysia terus mendapat maklumat tepat mengenai #Bajet2022,” katanya.

Manfaat #Bajet2022 boleh dilayari di <https://budget.mof.gov.my/manfaat/>.

BERNAMA